



Headline: 'Inspektor Zahari' sapu duit RM224,700
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 28 August 2019

Language: Malay
Section: Setempat
Page: 15

Kuala Terengganu

'Inspektor Zahari' sapu duit RM224,700

Seorang wanita kerugian RM224,700 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam dalam kejadian di Seberang Takir, Julai lalu.

Mangsa berusia 58 tahun itu diperdaya individu yang menyamar sebagai pegawai polis yang mendakwa mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram.

Menurut sumber, kejadian berlaku apabila mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang wanita sewaktu berada di kediamannya

di Seberang Takir, jam 8.45 pagi 23 Julai lalu.

Katanya, wanita terbabit memaklumkan mangsa disyaki terbabit dengan pengubahan wang haram dan meminta mangsa memberikan kerjasama untuk membantu siasatan.

"Wanita itu kemudian menyambungkan talian kepada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai penyiasat yang memperkenalkan diri sebagai 'Inspektor Zahari'.

"Lelaki terbabit memaklumkan mangsa dikehendaki polis kerana didapati bersubahat dengan seorang suspek yang ditahan berhubung pengubahan wang haram.

"Suspek meminta mangsa membuat sejumlah pembayaran sekiranya ingin menyelesaikan kes itu selain diberi amaran supaya tidak menceritakan kejadian itu kepada sesiapa jika tidak mahu ditangkap," katanya.